

Menteri bercuti berusaha pulang awal

BH
-27/12/2021
mls: 2

Beberapa anggota Kabinet di luar negara sudah kembali ke tanah air

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Hulu Langat: Beberapa anggota Kabinet yang berada di luar negara ketika banjir besar melanda sebilangan negeri sudah kembali ke tanah air, kata Datuk Seri

Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri memaklumkan, beberapa menteri yang masih berada di luar negara pula sedang berusaha mendapatkan penerbangan pulang secepat mungkin selepas beliau mengarahkan semua cuti anggota Kabinet dibatalkan serta-merta.

Bagaimanapun, katanya, anggota Kabinet yang sudah pulang masih belum dibenarkan keluar melawat kawasan bencana kerana perlu mematuhi perintah kuarantin bagi memastikan mereka bebas jangkitan COVID-19.

“Ramai menteri sudah balik, saya tidak mahu sebut nama, namun mereka sudah ke luar negara lebih awal sebelum banjir



Ismail Sabri bersama anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) membantu membersihkan kawasan terjejas banjir di Taman Sri Nanding Hulu Langat, semalam.

(Foto BERNAMA)

berlaku. Yang belum bercuti, mereka sudah batalkan perancangan itu. Saya juga ada merancang untuk menunaikan umrah pada 1 Januari depan, namun saya sudah membatalkannya dan tidak jadi pergi.

“Apabila arahan untuk pulang dikeluarkan, mereka segera kembali ke Malaysia, tetapi perlu menjalani kuarantin di rumah dahulu. Ada minta mahu keluar semalam (melawat kawasan banjir), namun saya tidak benarkan dan minta mereka tunggu kerana jika bawa penyakit nanti, susah pula,” katanya pada sidang me-

dia di Masjid Al-Muttaqin, di sini, semalam.

Jumaat lalu, Ismail Sabri mengarahkan semua anggota Kabinet yang sedang bercuti dan merancang untuk bercuti agar membatalkan perancangan masing-masing sehingga masalah banjir yang melanda negara ketika ini selesai, selain mengarahkan menteri yang berada di luar negara membuat penerbangan balik ke tanah air dengan segera.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri mengakui masih ada anggota Kabinet yang berada di luar ne-

gara, namun beliau dimaklumkan mereka belum dapat kembali ke tanah air kerana tiada penerbangan pulang buat masa ini.

“Ada menteri yang hendak balik awal ke tanah air, namun tiada penerbangan sebab hujung tahun, menyebabkan ada yang masih menunggu jadual penerbangan pulang,” katanya yang meluangkan masa lebih tiga jam sejak jam 9.30 pagi meninjau Taman Sri Nanding dan Kampung Dusun Tua, di sini, iaitu antara kawasan paling teruk terjejas banjir di Selangor.